

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY**  
**KAWASAN : KOTA KINABALU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY (KOTA KINABALU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status pembinaan jalan persisiran pantai Kudat - Tuaran. Apakah status pembinaan jambatan Semporna-Pulau Bum-Bum sepanjang 1.4km yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan beberapa tahun yang lalu.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina Jalan Pesisiran Pantai Tuaran – Kudat telah dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10. Kajian Kemungkinan projek berkenaan telah disiapkan pada bulan Februari 2014. Skop projek melibatkan pembinaan jalan 4 lorong 2 hala sepanjang 100km dengan rekabentuk piawaian JKR R5. Walau bagaimanapun, projek ini berkemungkinan akan dilaksanakan secara berfasa berikutan ia melibatkan kos yang tinggi iaitu dianggarkan sebanyak RM1.75 bilion.

Mengenai cadangan pembinaan jambatan baru dari Sandakan ke Pulau Bum Bum, Sabah pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelaksanaan fizikal projek tersebut masih belum dapat dilaksanakan kerana ia memerlukan kelulusan daripada Kerajaan Negeri Sabah. Sehubungan itu, kementerian ini akan berbincang dengan Kerajaan Negeri untuk menentukan senarai keutamaan projek-projek infrastruktur awam di Negeri Sabah (termasuk cadangan projek ini) yang akan dilaksanakan dalam RMKe-11.

Sekian, terima kasih.